

## **Budak Maut Jatuh Longkang**

Oleh: Ain Nuha Binti Abdul Rahman 1180275

**PINANG TUNGGAL:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun maut selepas terjatuh ke dalam longkang sedalam dua kaki (0.6 meter) berhampiran kawasan perumahan Taman Seraya, di sini, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 petang itu, mangsa, Muhammad Danish Yusmadi, yang bermain berhampiran kawasan longkang terbabit dikatakan tergelincir ketika air hujan melimpah dari bumbung rumah.



Anggota bomba sedang memberikan bantuan kecemasan terhadap mangsa di Taman Seraya, Tikam Batu petang semalam. - gambar ihsan orang awam

Penduduk, Ahmad Osman berkata, dia berusaha menyelamatkan mangsa yang telah dihanyutkan oleh arus deras sejauh empat blok rumah dan tersekat di salah satu paip kawasan perumahan tersebut.

“Kami terpaksa membuat keputusan untuk memotong paip berkenaan bagi membolehkan mangsa diselamatkan,” katanya ketika ditemui, di sini.



Orang ramai menunjukkan lokasi tempat penemuan mangsa di dalam longkang. - gambar ihsan orang awam

Sementara itu, Penolong Penguasa Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Kedah, Muhamad Syukri Hashim berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.29 petang dan sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tikam Batu dan Guar Cempedak dikejarkan ke lokasi kejadian.

Beliau berkata, mangsa telah diselamatkan oleh orang awam sebelum ketibaan pihak bomba.

“Mangsa telah diberikan bantuan kecemasan CPR (Cardiopulmonary Resuscitation) selama lebih 30 minit oleh anggota pasukan penyelamat.” tambahnya lagi.

Mangsa dipercayai sudah lemas kira-kira 30 minit dan mangsa kemudian dihantar ke hospital berdekatan untuk bedah siasat.